



FINAL EXAMINATION

JULY 2021

COURSE TITLE **TAMADUN ISLAM & TAMADUN ASIA**

COURSE CODE **MPU3123**

DATE/DAY **24 OCTOBER 2021 / SUNDAY**

TIME/DURATION **01:00 PM - 03:00 PM / 2 Hours**

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of **16** Printed Pages including front page)

*****DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO*****

Kertas soalan ini mempunyai 50 soalan objektif. Jawab SEMUA dengan membulatkan dengan huruf jawapan ataupun melakarkan jawapan mengikut kehendak soalan

(50 markah)

1. Beberapa istilah tamadun telah dikemukakan oleh sarjana Muslim. Manakah istilah berikut yang membawa maksud tamadun?
 - I. Umran
 - II. Madana
 - III. Madinah
 - IV. Wasatiyah
 - A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV
2. Apakah punca utama berlakunya keruntuhan sesebuah tamadun?
 - A. Urbanisasi atau pembangunan Bandar
 - B. Pengabdian diri kepada Yang Maha Esa
 - C. Penghayatan nilai-nilai murni dalam masyarakat
 - D. Pembentukan sistem pemerintahan dan pentadbiran
3. Pengertian tamadun yang berasal daripada perkataan bahasa Arab memberi penekanan kepada _____.
 - A. sosio-budaya barbarisme
 - B. kehalusan budi pekerti
 - C. masyarakat nomad
 - D. budaya primitif

4. Siapakah yang mempelopori perkataan Umran dalam disiplin ilmu ketamadunan?
- A. Ibn Sina
B. Ibn Khaldun
C. Muhammad Abduh
D. Muhammad Farid Wajdi
5. Apakah aspek yang mempengaruhi keadaan yang strategik dalam pembentukan tamadun?
- A. Alam sekitar
B. Padang pasir
C. Lembah Sungai
D. Persisiran Pantai
6. Proses pembangunan sebuah tamadun adalah melalui dua peringkat iaitu peringkat asas dan pencapaian. Antara berikut yang manakah merupakan peringkat asas iaitu menyediakan keperluan asas?

Arahan : Pilih jawapan yang BETUL dengan menandakan [x] pada kotak jawapan.

	Pakaian
	Makanan
	Tempat tinggal
	Keselamatan
	Hiburan

7. Pilih pernyataan yang merujuk kepada ciri-ciri masyarakat bertamadun.

- I. Masyarakat yang mempunyai kehalusan budi dan tatasusila
 - II. Suatu keadaan kehidupan yang serba mewah
 - III. Menguasai bidang sains dan teknologi
 - IV. Revolusi perbandaran
-
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. Semua di atas

8. Apakah sebab sesuatu peperangan itu dibenarkan di dalam Islam?

- A. Untuk menakluki kawasan lain
- B. Untuk menyebarkan agama Islam
- C. Untuk mempertahankan agama dan negara
- D. Untuk menunjukkan kekuatan tentera Islam

9. Yang manakah antara ideologi berikut paling tepat didukung oleh Tamadun Islam?

- A. Teokratik
- B. Monotheisme
- C. Politheisme
- D. Henotheisme

10. Khalifah Harun al-Rasyid terkenal dalam sejarah sebagai seorang khalifah yang sangat mencintai ilmu. Baginda telah membina sebuah pusat ilmu dan maklumat bagi menyelaraskan segala kegiatan keilmuan di Baghdad yang dinamakan _____; juga dikenali sebagai 'House of Wisdom'.

- A. Baitul Izzah
- B. Baitul Hikmah
- C. Baitul Ilmu
- D. Baitul Mal

11. Tamadun Islam terbina berdasarkan tiga asas utama iaitu _____.

Arahan : Pilih jawapan yang BETUL dengan menandakan [x] pada kotak jawapan.

	Akhlak
	Akidah
	Kebendaan
	Syariah

12. Antara hak yang diberikan oleh Islam kepada golongan wanita ialah hak bekerja. Hal ini dibenarkan dalam keadaan yang berikut **kecuali**
- Suasana masyarakat yang meletakkan wanita bekerja itu sebagai golongan yang dihormati.
 - Wanita terpaksa membantu suaminya mencari nafkah untuk menampung keperluan keluarga.
 - Ibu bapa mengharapkan supaya anak perempuan mereka mempunyai pekerjaan yang sesuai sebagai jaminan masa hadapan.
 - Keperluan masyarakat kepada kemahiran dan kapakaran yang dimiliki oleh seseorang wanita dalam bidang-bidang yang kritikal.
13. Antara konsep-konsep dalam tamadun Islam ialah menjaga hubungan manusia dengan alam. Apakah akibat daripada tidak menjaga hubungan ini?
- Gempa bumi
 - Pencairan ais
 - Pemanasan global
 - Pencemaran udara
- I, II dan III sahaja
 - I, II dan IV sahaja
 - II, III dan IV sahaja
 - Kesemua di atas

14. Pilih takrifan **paling tepat** mengenai tamadun Islam.
- A. Kemantapan Tauhid umat Islam sepanjang zaman.
 - B. Kemajuan dicapai umat Islam sepanjang sejarahnya.
 - C. Pencapaian umat Islam dalam bidang ilmu pengetahuan.
 - D. Kemajuan rohani dan jasmani berlandaskan syariat Islam.
15. Pada pendapat anda, apakah persamaan masyarakat Madinah dengan masyarakat negara kita pada masa kini?
- A. Dilarang beragama
 - B. Wajib memeluk agama Islam
 - C. Mesti meninggalkan agama asal
 - D. Agama Islam merupakan agama rasmi negara
16. Manakah antara berikut merupakan agama atau kepercayaan yang menjadi anutan masyarakat Melayu pra-Islam?
- I. Animisme
 - II. Hindu
 - III. Buddha
 - IV. Kristian
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV
17. Sebuah batu bersurat yang ditemui pada 1303 Masihi mengandungi beberapa undang-undang Islam yang dipraktikkan oleh masyarakat di Tanah Melayu.

Batu ini merujuk kepada _____.

- A. Batu Bersurat Terengganu
- B. Batu Bersurat Kedukan Bukit
- C. Batu Bersurat Kota Kapur
- D. Batu Nisan di Pekan, Pahang

18. Pencapaian tamadun Melayu dalam bidang sains dan teknologi memperlihatkan ketinggian pemikiran masyarakat Melayu. Yang manakah bukan sukan untuk pengukuran jarak?
- A. Sejengkal
 - B. Sehasta
 - C. Sedepa
 - D. Segantang
19. Manakah antara hasil karya seni berikut yang **bukan** daripada tradisi budaya Melayu?
- A. Topi
 - B. Songket
 - C. Seni Tekat
 - D. Anyaman Tikar
20. Interaksi tamadun Melayu dengan tamadun India menyebabkan tamadun Melayu menyerap beberapa nilai daripada tamadun India. Kesan positif interaksi ini dapat dilihat dalam beberapa aspek **kecuali** _____.
- A. Sistem Kerajaan
 - B. Ekonomi
 - C. Kesenian
 - D. Daya Kreativiti
21. Mengapakah tamadun Melayu menjadi asas kepada Tamadun Malaysia?
- A. Ia merupakan tamadun terbesar dan sudah lama wujud di Asia Tenggara.
 - B. Ia merupakan kesinambungan dari tamadun dan bentuk-bentuk kerajaan Melayu yang terdapat di Asia Tenggara.
 - C. Kaum Melayu ialah penduduk yang paling ramai di kawasan ini.
 - D. Kaum Melayu ialah bahasa komunikasi yang luas di Malaysia

22. Kebudayaan Arab yang diamalkan oleh masyarakat Asia Tenggara ialah _____.

- I. tarian zapin
 - II. alat-alat muzik
 - III. majlis persandingan
 - IV. menghormati tetamu
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

23.

"Mintak ampun datuk nenek, anak cucu nak tumpang lalu"

Prosa di atas digunakan masyarakat Melayu pra-Islam yang mempercayai keramat atau simbol-simbol ketuhanan berdasarkan objek seperti pokok, ayam jantan, bukit, gua dan sebagainya. Kepercayaan ini masih lagi diperlakukan segelintir masyarakat Melayu selepas kedatangan Islam.

Kepercayaan ini diklasifikasikan sebagai kepercayaan _____.

- A. Animisme
- B. Hindu
- C. Buddha
- D. Kristian

24. Artikel 160 Perlembagaan Malaysia mentakrifkan pelbagai istilah yang digunakan dalam Perlembagaan Malaysia. Menurut Perkara 160 (2) Perlembagaan Malaysia, orang Melayu itu dinyatakan seperti berikut **KECUALI**

- A. Orang Melayu adalah beragama Islam
- B. Orang Melayu mengamalkan adat budaya Melayu
- C. Orang Melayu bertutur menggunakan bahasa Melayu
- D. Orang Melayu mempunyai taraf permastautinan di Malaysia

25. Menurut Sistem Kasta di dalam Tamadun India, siapakah yang berada dalam kategori ksatria ?
- A. Hamba
 - B. Pekerja Jalanan
 - C. Pendidik
 - D. Golongan Bangsawan
26. Manakah bahasa berikut yang berhasil melalui interaksi antara tamadun Islam dengan tamadun India?
- A. Parsi
 - B. Urdu
 - C. Tamil
 - D. Sanskrit
27. Taj Mahal yang dibina oleh Shah Jahan (1592 - 1666 M) mempunyai pengaruh seni bina tamadun _____.
UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK
Copying, modifying, or reprinting, is not permitted.
- A. Rom
 - B. Mesir
 - C. Islam
 - D. Melayu
28. Masyarakat India secara amnya terbahagi kepada DUA golongan berdasarkan keluarga bahasa. Manakah antara berikut BENAR merujuk kepada golongan tersebut.
- I. Orang Indo-Arya – menetap di Utara India
 - II. Orang Indo-Arya – menetap di Selatan India.
 - III. Orang Dravida – menetap di Selatan India.
 - IV. Orang Dravida – menetap di Utara India.
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. I dan IV
 - D. II dan III

29. Apakah agama yang dicipta dalam masyarakat India hasil gabungan agama Islam dan Hindu?
- A. Sikh
 - B. Jaina
 - C. Buddha
 - D. Majusi
30. Konsep hak-hak kehidupan dalam ajaran Buddhisme adalah termaktub dalam _____.
- A. Kitab Veda
 - B. Lapan Jalan Mulia
 - C. Halal dan Haram
 - D. Yin and Yang
31. Rahul merupakan pemuda belum berkahwin dan fokus kepada pelajaran. Dia juga tinggal di Gurukul yang dikenali sebagai rumah guru untuk menuntut ilmu dalam bidang sains dan falsafah. Peringkat ini dikenali sebagai dalam Tamadun India.
- A. Vanaprasta
 - B. Brahmacharya
 - C. Sannyasa
 - D. Grahasta
32. Tahun Baru China merupakan perayaan yang terbesar dan paling bertuah. Hari pertama dalam kalendar Cina dipanggil sebagai apa?
- A. Shonen
 - B. Nennen
 - C. Rainen
 - D. Xin Nian

33. Tulisan Cina (Hanzi) dibentuk berdasarkan gabungan erti, bunyi dan bentuk. Tulisan Cina turut berkembang dan digunakan oleh bangsa-bangsa lain di Asia seperti _____.
- I. Jepun
 - II. Korea
 - III. Vietnam
 - IV. Thailand
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, II, dan IV sahaja
 - C. II, III, dan IV sahaja
 - D. Kesemua di atas
34. Yang manakah antara pernyataan berikut **TIDAK BENAR** mengenai kosmologi dalam masyarakat Cina?
- A. Tian merujuk kepada langit yang dianggap sebagai dewa yang terpenting dalam Tamadun China.
 - B. Di merujuk kepada bumi dan dipercayai sebagai dewa yang memelihara bumi.
 - C. **Yin dan Yang merujuk kepada sifat-sifat yang mulia sahaja.**
 - D. Dao merujuk kepada lorong atau jalan dan merupakan konsep tata tertib moral yang mesti dipatuhi.
35. Berikut merupakan ciptaan agung dalam bidang sains dan teknologi dalam Tamadun Cina **kecuali**
- A. kompas
 - B. teknik pembuatan kertas
 - C. kanta
 - D. bahan letupan

36. Berikut adalah ciri-ciri sistem kekeluargaan di dalam Tamadun China **KECUALI** _____.
- A. Keluarga mementingkan anak perempuan lebih daripada anak lelaki
 - B. Selepas perkahwinan nama keluarga pihak lelaki akan dikekalkan
 - C. Anak lelaki akan tinggal bersama keluarga dan menjaga keluarga
 - D. Suami mempunyai kuasa tertinggi di dalam keluarga
37. Salmah dan Mei Yee merupakan kawan yang baik. Walaupun, berlainan agama dan bangsa tetapi mereka tetap saling hormat-menghormati satu sama lain. Keadaan ini melahirkan rakyat yang bersatu padu di Malaysia.
- Situasi di atas menekankan kepentingan _____.
- A. dialog peradaban
 - B. kehidupan bertamadun
 - C. globalisasi
 - D. hak asasi manusia
38. Yang manakah antara aspek berikut harus diberi keutamaan dalam dialog antara peradaban?
- A. Akhlak, etika, dan moral
 - B. Ekonomi, pendidikan dan etika.
 - C. Pendidikan, akhlak dan kebudayaan.
 - D. Kebudayaan, ekonomi, dan pendidikan.
39. Antara berikut ialah aspek yang menerima kesan daripada globalisasi, **KECUALI**
- A. budaya pemakanan
 - B. budaya berfesyen
 - C. budaya beribadat
 - D. budaya muzik

40. Dialog peradaban penting untuk mencapai matlamat berikut kecuali

- A. mengelakkan prasangka sesama sendiri.
- B. mempelajari sesuatu dari kedua-dua pihak.
- C. mengisyiharkan perang antara satu sama lain.
- D. memahami persepsi dan pengalaman rakan dialog.

41.

McDonald mempunyai tidak kurang 10,000 restoran di 50 buah negara manakala Kentucky Fried Chicken (KFC) mempunyai lebih daripada 7750 restoran di 58 buah negara.

Apakah kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan pernyataan di atas?

- I. Amalan pemakanan yang tidak sihat.
 - II. Budaya makan di Malaysia sudah berubah.
 - III. Jenama makanan barat wujud di negara-negara besar dunia.
 - IV. Ekonomi dunia banyak disumbangkan oleh sektor makanan segera.
-
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, II, dan IV sahaja
 - C. II, III, dan IV sahaja
 - D. Kesemua di atas

42.

Lee merupakan penggemar makanan barat seperti 'steak' dan 'pasta'. Dia juga mendengar muzik hip hop berbanding dengan muzik tempatan

Situasi di atas menunjukkan bahawa Lee menerima kesan daripada

- A. Pengaruh rakan sebaya
- B. Pengaruh globalisasi
- C. Hegemoni barat
- D. Pengaruh Media

43. Manakah antara pernyataan berikut adalah **TIDAK BENAR**?

- A. Tanggungjawab kekeluargaan dalam Islam hanya tertumpu ke atas ibu bapa
- B. Konsep tamadun China menekankan jalinan hubungan sesama manusia
- C. Kegiatan ekonomi tamadun awal menekankan nilai moral sejagat
- D. Pendidikan bertujuan membentuk peribadi

44. Tamadun besar dunia mempunyai perbezaan dan persamaan dalam aspek teologi. Pilih pernyataan di bawah yang merujuk kepada perbezaan dalam aspek tersebut.

- A. Perbezaan dalam amalan ritual antara ajaran Islam dan Hindu.
- B. Semua agama menekankan falsafah moral dan etika kecuali Islam
- C. Pemahaman konsep syurga neraka dan balasan selepas kematian.
- D. Keesaan Allah dalam Islam dan monoteisme dalam Kristian dan Yahudi

45. Pilih ciri-ciri yang membezakan tamadun Islam dengan tamadun barat?

- I. Ketinggian akhlak
 - II. Penciptaan baharu
 - III. Keesaan dari sudut kepercayaan
 - IV. Inovasi dalam sains dan teknologi
-
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan III
 - D. II dan IV

46. Hidup secara harmoni dengan alam sekitar merupakan prinsip yang diamalkan oleh setiap agama dan tamadun.

Apakah pandangan setiap agama dan tamadun terhadap alam sekitar?

- I. Alam sekitar dilihat sebagai anugerah Tuhan
 - II. Manusia dipertanggungjawabkan sebagai penjaga alam sekitar
 - III. Memelihara alam sekitar bermakna menggunakan anugerah Tuhan secara bertanggungjawab
 - IV. Memelihara alam sekitar diberi penafsiran pasif sehingga alam sekitar disembah
- A. I dan II
 - B. I, II dan III
 - C. I, III dan IV
 - D. Semua di atas
47. Yang manakah antara berikut merupakan faktor yang menyebabkan berlakunya interaksi budaya dalam semua tamadun?
- I. Migrasi akibat perang
 - II. Geografi dan kedudukan yang strategik
 - III. Kegiatan ekonomi dan perdagangan yang aktif
 - IV. Kepimpinan dan pemerintahan yang bersifat setempat
- A. I dan II
 - B. I, II dan III
 - C. I, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV
48. Yang manakah **BUKAN** kesan pengaruh Islam di Alam Melayu ?

- A. Busana dan etika berpakaian
- B. Kemasukan istilah-istilah arab di dalam bahasa.
- C. Penggunaan Bahasa Jawi di dalam penulisan
- D. Adat Istiadat perkahwinan

49. Manakah pernyataan berikut yang **TIDAK** berkaitan dengan jihad ?
- A. Muzaffar menyertai pasukan komando tentera Amerika bagi memerangi Taliban di Afganistan
 - B. Hamid berjaga malam untuk menyiapkan tugas yang diberikan pensyarahnya
 - C. Hidayah dengan sukarela berhenti kerja yang bergaji besar untuk memberikan tumpuan kepada keluarganya
 - D. Hasan menyertai skim potongan gaji bulanan bertujuan membantu mangsa kemarau di Afrika
50. Manakah pernyataan berikut, yang **TIADA** kaitan dengan pengaruh globalisasi ?
- A. Farid bangun awal pada hari minggu untuk bersarapan di restoran kegemarannya
 - B. Suhana berbaju kurung ketika keluar makan di restoran KFC bersama teman lelakinya
 - C. Mubarak keluar ke bandar bersama Suzane untuk menonton filem Hantu Kak Limah
 - D. Rajesh berkomunikasi dengan teman wanitanya yang tinggal di India melalui lama facebook

*** KERTAS SOALAN TAMAT ***